



PEKELILING MAJIKAN BIL. 9/98

TARIKH AKHIR PENERIMAAN BORANG-BORANG TUNTUTAN BAYARAN BALIK KOS LATIHAN YANG DIBENARKAN UNTUK PENUTUPAN AKAUN 1998 MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

1. OBJEKTIF

- 1.1 Tujuan pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan-majikan yang berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) mengenai tarikh akhir penerimaan borang-borang tuntutan bayaran balik kos latihan yang telah dijalankan dalam tahun 1998.

2. TARIKH AKHIR PENERIMAAN TUNTUTAN

- 2.1 Adalah dimaklumkan akaun MPSM untuk tahun 1998 akan ditutup pada 31hb. Disember 1998. Oleh itu, **tarikh akhir** bagi penerimaan borang-borang tuntutan bayaran balik kos latihan yang dijalankan dalam tahun 1998 adalah **26 Disember, 1998**
- 2.2 Borang-borang tuntutan yang dikemukakan hendaklah diisi dengan **lengkap beserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang telah disahkan** (sekiranya bukan salinan asal).
- 2.3 Bagi tuntutan untuk program latihan yang telah selesai dijalankan tetapi dikuiiri dalam tahun 1998 dan tuntutan bagi program latihan yang tamat di antara 26 Disember, 1998 hingga 31 Disember, 1998, majikan adalah dibenarkan untuk mengemukakan borang tuntutan bayaran balik kos latihan selawat-lewatnya pada **30 Jun, 1999**. Borang-borang tuntutan yang dikemukakan hendaklah juga diisi dengan lengkap beserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang telah disahkan.
- 2.4 Sebarang tuntutan yang tidak sempat dikuiiri dan didapati tidak mempunyai dokumen sokongan yang lengkap, pengiraan dan pembayaran balik kos latihan hanya akan berdasarkan dokumen sokongan (salinar yang disahkan) yang disertakan sahaja.
- 2.5 Borang tuntutan bayaran balik kos latihan untuk program latihan tahun 1998 yang diterima **selepas 30 Jun 1999 akan ditolak** dan keputusan ini adalah muktamad.

3. PRA-SYARAT KELULUSAN

- 3.1 Semua majikan yang mengemukakan tuntutan hendaklah mempunyai akaun lavi yang tidak tertunggak.
- 3.2 Bagi majikan-majikan yang **mempunyai tunggakan levi**, semua tuntutan untuk mendapatkan bayaran balik kos latihan **akan ditolak dan dikembalikan** sehingga kesemua bayaran tunggakan levi beserta faedahnya sekali telah selesai dijelaskan. Ini adalah selaras dengan Seksyen 6(3) pada Akta Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan) 1996 yang memperuntukkan majikan tidak berkelayakkan untuk menerima bantuan kewangan atau faedah lain sekiranya majikan tersebut mempunyai tunggakan dalam pembayaran levi dan kehilangan ini adalah berterusan sehingga kesemua tunggakan dan faedah atas levi tertunggak telah dibayar sepenuhnya.

3.3 Semua majikan adalah diminta untuk mematuhi Pekeliling ini bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)

b.p Ketua Pengarah

Majlis Pembangunan Sumber Manusia